

Jangkaan inflasi isi rumah jatuh ke paras terendah

JANGKAAN inflasi isi rumah (household) Singapura telah jatuh ke paras paling rendah sejak tiga tahun lalu akibat kemerosotan harga minyak dan ketidaktentuan mengenai ekonomi sangat, menurut dapatan satu tinjauan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Bagi tempoh setahun mendatang, jangkaan inflasi isi rumah Singapura pada bulan lepas turun ke-

pada 3.53 peratus, daripada 3.73 peratus pada September lalu, menurut tinjauan setiap suku tahun bagi Indeks Jangkaan Inflasi SMU (SinDEx).

Kadar inflasi import yang lebih rendah dek kejatuhan harga minyak ke paras terendah sejak enam tahun lalu membawa kepada jangkaan bahawa inflasi pada masa depan akan lebih rendah, ujar SMU.

Walaupun kos domestik lebih tinggi akibat pasaran buruh ketat dan perbelanjaan bagi merangsang ekonomi dijangka bertambah di di zon euro serta Jepun, kelemahan permintaan sejagat menyebabkan jangkaan inflasi keseluruhan dan inflasi teras turun ke paras terendah sejak SinDEx dimulakan pada September 2011.

Singapura mengalami deflasi buat kali pertama sejak lima tahun

lalu apabila Indeks Harga Pengguna (CPI) bagi November lalu susut 0.3 peratus berbanding bulan sama 2013.

Pakar ekonomi telah meramalkan Singapura mengalami deflasi lagi bulan lalu disebabkan kejatuhan harga minyak. CPI Disember akan dikeluarkan Jumaat ini.

“Penyederhana harga penginapan dan kereta baru-baru ini, ditambah dengan kemerosotan harga

minyak yang merendahkan inflasi yang diimport, kelihatan telah merendahkan kadar inflasi semasa dan yang dijangka bagi masa depan ke paras amat rendah,” ujar Penolong Profesor Aurobindo Ghosh dari SMU.

Tinjauan dalam talian itu melibatkan 500 orang yang dipilih secara rambang dan mewakili kertan lintang (cross section) isi rumah Singapura.